

Keengganan kerajaan negeri bekerjasama jejas koordinasi pengurusan banjir

KUALA LUMPUR 30 Mac - Keengganan kerajaan Pas Kelantan bekerjasama dengan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dikenal pasti sebagai salah satu punca mengakibatkan koordinasi pengurusan bencana banjir di negeri berkenaan terjejas.

Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), Datuk Nur Jazlan Mohamed berkata, senario itu mengakibatkan pengurusan banjir termasuk pengagihan bantuan terhadap mangsa bencana banjir buruk lalu itu mengalami kelemahan.

“Ini kerana kerjasama kerajaan negeri amat penting berikutan mereka tahu selok-belok dan kawasan di negeri berkenaan.

“Secara kesimpulan, apa yang penting ialah perancangan kerana ketiadaan kerjasama, sekali gus akan menjejaskan koordinasi, berbanding perancangan mantap akan menghasilkan pengurusan lebih baik,” katanya selepas mengadakan prosiding antara wakil MKN dengan Kementerian Kewangan dalam Mesyuarat PAC Penggal Kedua, Parlimen Ke-13, di Parli-men hari ini.

Menurut Nur Jazlan, terdapat beberapa kelemahan lain yang berlaku akibat faktor banjir besar yang tidak disangka-sangka sehingga memaksa MKN mengkaji semula dasar dan mekanisme pengurusan bencana negara.

“Antara penambahbaikan persiapan banjir tahun ini termasuklah menggunakan pendekatan saintifik seperti memantau ramalan cuaca untuk menentukan lokasi serta laluan air yang berkeungkinan berlakunya banjir.

“Di samping itu, MKN juga bercadang memindahkan pemancar telekomunikasi ke kawasan lebih tinggi, sekali gus memastikan situasi kegagalan komunikasi tidak berulang seperti bencana baru-baru ini,” katanya.

Tambahnya, MKN juga akan menambah bilangan aset seperti helikopter dan bot sebagai perseediaan sekiranya menghadapi banjir besar.